

24/07/2002

Pemikiran kreatif martabatkan hak wanita

Norzilawati Abdul Halim

PERTEMUAN pemikir Islam pada Forum Antarabangsa Kuala Lumpur Mengenai Islam (Kalif) 2002 telah melahirkan beberapa pandangan dan usul, bukan saja dilihat sebagai kejayaan yang dicapai oleh masyarakat Islam dunia kini tetapi juga diukur dari sudut perspektif berlainan mengenai masyarakat bukan Islam terhadap umat Islam.

Tragedi 11 September 2001 adalah titik bermulanya sejarah hitam masyarakat Islam dunia. Kesan serangan terhadap bandar raya kosmopolitan New York memeranjatkan semua pihak. Maruah dan imej masyarakat Islam seluruh dunia tercemar.

Masyarakat bukan Islam mula beranggapan bahawa umat Islam adalah golongan pemberontak dan penganas. Disebabkan ini juga, negara kuasa besar yang menguasai sebahagian besar kuasa veto di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah mengambil tindakan sewenang-wenangnya memboikot atau menghukum pihak yang dipercayai telah mengganas walaupun, tiada bukti kukuh.

Isu ini mendapat perhatian utama perwakilan daripada institusi pengajian tinggi masing-masing dan menerima banyak persoalan berkaitan perkembangan semasa mengenai masa depan masyarakat Islam seluruh dunia. Forum yang berlangsung selama tiga hari ini anjuran Pejabat Timbalan Perdana Menteri dengan kerjasama Institut Kefahaman Islam Malaysia, dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di ibu negara, baru-baru ini.

Forum yang dihadiri lebih 30 perwakilan antarabangsa dan hampir 200 peserta tempatan berjaya mengusulkan beberapa pandangan dan cadangan yang akan dijadikan resolusi untuk diguna pakai pada masa mendatang.

Antara topik yang menjadi isu hangat ialah berkaitan masa depan wanita, kanak-kanak dan warga tua. Ini jelas apabila setiap kali berlaku percanggahan pendapat sehingga tiada kata persetujuan tercapai, pastinya peperangan atau pemberontakan akan berlaku. Dalam hal ini, wanita, kanak-kanak dan warga tua yang menjadi mangsa.

Sebut saja perebutan kuasa dan wilayah di Palestin, sekatan ekonomi, perubatan dan makanan terhadap Iraq dan terbaru, Amerika Syarikat sudah memulakan serangan terhadap negara itu dan lima tahun lalu peperangan saudara di Bosnia Herzegovina.

Dalam keghairahan masing-masing menunjukkan kuasa masing-masing, kebanyakan tidak menyedari wanita, kanak-kanak dan warga tua menjadi mangsa. Mereka terpaksa menanggung trauma fizikal dan mental disebabkan terpaksa melalui kehidupan yang sangat genting. Ditambah pula tahap kemiskinan yang tinggi, telah menyebabkan ramai orang mengalami masalah gangguan mental.

Salah seorang pembentang yang membincangkan tajuk "Islam, Hak Asasi dan Demokrasi" disampaikan Pensyarah Institut Pengajian Islam Dalam Dunia Kontemporari, di Yayasan Omar Ibn Al Khattab Amerika Syarikat, Dr Mohamed Fathi Osman menumpukan kepada hak asasi manusia dan ini termasuklah wanita yang juga menikmati hak itu seperti yang terkandung dalam al-Quran.

Malangnya, ada golongan tertentu pada ketika itu telah mengetepikan hak wanita dan membuat tafsiran sendiri yang terkandung dalam al-Quran tanpa mengkaji terlebih dulu. Kesan daripada itu, ia terus menjadi budaya yang mana hingga kini, nasib wanita tidak mendapat pembelaan.

"Ternyata pemikiran itu harus diubah dan untuk mengembalikan martabat wanita satu usaha perlu dilakukan, iaitu dengan mengembalikan hak mereka.

Mungkin hanya baru-baru ini saja, kesedaran itu timbul dan ini dapat dilihat ada beberapa negara dunia contohnya Malaysia, telah lama mengiktiraf hak wanita mereka.

"Dalam pemerintahan demokrasi, pemimpin dipilih berdasarkan kepada kepercayaan yang telah diberikan oleh rakyat. Ini bermakna rakyat berhak memilih calon yang layak untuk memimpin dan menerajui negara. Dalam hal ini, fungsi wanita juga penting termasuklah berhak memilih bakal pemimpin.

"Jika wanita itu mempunyai kewibawaan dan kemahiran kepemimpinan, mereka juga digalakkan menyertai bidang politik asalkan amanah yang diberikan dapat dilaksanakan secara jujur," katanya.

Pensyarah Jabatan Falsafah dan Pengajian Keagamaan, Universiti Virginia Commonwealth Amerika Syarikat, Prof Madya Dr Amina Wadud dalam kertas kerja bertajuk Agensi Wanita dan Pembentukan Masyarakat Islam Moden, berkata dalam era pemodenan ini, fungsi wanita semakin penting kerana merekalah paling banyak menyumbang dari pelbagai aspek.

"Wanita Muslim semakin aktif, produktif dan menjadi sebahagian masyarakat kreatif dalam dunia Islam. Sumbangan mereka ini banyak berkait rapat dengan kebijaksanaan mereka dari sudut pemikiran kreatif dan menjadi sebahagian kehidupan sosial kemasyarakatan.

"Ini adalah tuntutan Islam, inginkan umatnya bijak menyesuaikan diri dengan persekitaran dan tahu menggunakan kemahiran itu di tempat sewajarnya. Disebabkan peluang yang diberikan kepada wanita, semakin banyak yang berkaitan penindasan gender diketengahkan.

"Bagaimanapun, ia bukan bermakna wanita boleh menuntut kebebasan sesuka hati mereka tetapi tuntutan itu hendaklah menepati hukum dan landasan agama. Sebagai penyambung zuriat dan umat dunia, pengorbanan wanita perlu diiktiraf dan dilindungi," katanya.

Tambah Dr Amina, tidak semua wanita Muslim dapat mengecapi semua ini kerana ada beberapa negara Islam terpaksa menderita akibat kerakusan manusia merebut kuasa. Golongan ini tidak berperikemanusiaan kerana sanggup membiarkan wanita, kanak-kanak dan warga tua terus menderita.

Menyentuh mengenai hukum Hudud, Dr Amina berkata, untuk melaksanakan hukum ini, masyarakat perlu didedahkan secara menyeluruh mengenai hukum itu dengan memastikan sokongan kebajikan sosial dan pendidikan mengenai maksud serta tujuan sebenar hukum itu diturunkan kepada manusia.

Sementara Pengarah Bersama Pusat Pengajian Rangkaian Islam Universiti Duke, Amerika Syarikat, Prof Madya Dr Ebrahim Moosa, berkata Islam tidak pernah menindas wanita. Tetapi ada beberapa negara Islam di dunia yang mengamalkan ajaran Islam sebenarnya dan semua aspek kehidupan mendapati, hak wanita diketepikan.

"Persoalan ini timbul disebabkan ada golongan pemikir Islam tertentu tidak berani untuk meminda atau mengubahsuaikannya mengikut peredaran zaman. Mereka beranggapan tindakan mengubah ketetapan yang disediakan oleh ahli pemikir Islam salah di sisi agama.

"Akibat takut membincangkan hukum agama, masyarakat Islam kini terus mundur dan dipandang negatif oleh masyarakat bukan Islam seluruh dunia. Tanggapan ini perlu diubah dan generasi baru pemikir Islam moden perlu mencari pendekatan kreatif supaya ajaran Islam dapat difahami dan dihayati sepenuhnya bukan saja oleh umat Islam malah masyarakat bukan Islam," katanya ketika membentangkan kertas kerja bertajuk Pergerakan Islam dari 1970-an hingga 2000 - Penerokaan Deskriptif.